



**Peserta UniMAS** yang meraih kemenangan bagi kategori sekolah menengah/IPT lelaki.

**Kuching:** Cabaran berenang, berbasikal dan berlari menguji kekuatan fizikal dan mental 200 peserta Universiti Malaysia Sarawak (UniMAS) Triathlon 2012 yang julung kali dianjurkan Unit Sukan dan Rekreasi, Pusat Khidmat Pelajar UniMAS.

Mempertandingkan enam kategori iaitu lelaki dan wanita terbuka, lelaki veteran, relay terbuka serta pelajar sekolah menengah/institusi pengajian tinggi (IPT) wanita dan lelaki, kejohanan itu memerlukan setiap peserta berenang merentasi Tasik UniMAS sejauh 750 meter, berbasikal (20 km) dan berlari (5 km).

# UniMAS anjur triathlon

Selain UniMAS, ia turut disertai Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kota Samarahan, Swinburne University, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Kelab Basikal serta orang awam sekitar Kuching, Kota Samarahan, Sibul, Miri, Bintulu dan Kuala Lumpur.

Acara pelepasan peserta disempurnakan Ketua Unit Sukan dan Rekreasi UniMAS, Zambari Bajuri yang turut menyampaikan hadiah kepada pemenang.

## Hadiah menarik

Tiga peserta terbaik kategori sekolah menengah/IPT lelaki dimenangi Boney Ak Jelama dengan catatan masa 1 jam 33 minit diikuti Mohamad Haziq Fadzly pada tempat kedua (1:37) dan ketiga, Mohd Fikry Izuddin Ahmad Joyo (1:40).

Kategori wanita dimenangi Nur Azrema dengan catatan masa 1 jam 49 minit diikuti Familah Wahap, kedua (2:13.30) dan ketiga, Tiong Li Li (2:13.58).

Johan kategori individu

membawa pulang wang tunai RM300 berserta piala, manakala tempat kedua (RM250), ketiga (RM200), keempat (RM150), kelima (RM100) serta keenam hingga 10 (RM50).

Bagi acara relay terbuka (tiga peserta setiap pasukan), johan membawa pulang RM600 berserta piala, manakala tempat kedua (RM500), ketiga (RM400), keempat (RM300), kelima (RM200) serta keenam hingga 10 (RM150).